

28 OCT 2000

Mahathir-Gembira

KEJAYAAN DAN PERKAHWINAN GEMBIRAKAN DR MAHATHIR

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 28 Okt (Bernama) -- Apakah perkara yang membuatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira?

"Menyaksikan kejayaan dalam apa yang kita usahakan merupakan perkara yang memberikan kebahagiaan, dan tentunya selain itu mengahwini isteri saya," katanya semasa disoal oleh seorang tetamu wanita pada jamuan tengah hari anjuran Persatuan Malaysia di sini hari ini.

Seluruh beliau itu menggamatkan lagi majlis dan mendapat tepukan gemuruh daripada 100 tetamu yang hadir serta senyuman daripada isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang turut hadir.

Dr Mahathir tiba di sini untuk lawatan kerja sehari bagi menunaikan jemputan untuk memberi ucapan pada jamuan malam gala Persatuan Asia.

"Ia adalah satu kelainan daripada soalan biasa mengenai rahsia kelihatan muda. Saya rasa jika anda melihat perkara yang anda usaha dan lakukan membuahkan hasil, itu memberikan kebahagiaan. Ia merupakan satu rasa kejayaan sebenarnya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau memutuskan bahawa dalam tempoh memegang jawatan beliau mahu menggerakkan Malaysia ke depan pada kadar yang lebih cepat dan satu daripada caranya ialah melalui penswastaan.

"Negara telah bergerak ke hadapan dengan lebih cepat dan bagi saya, itulah yang memberikan saya kepuasan. Setiap petang Sabtu dan Ahad, saya memandu di sekitar Kuala Lumpur untuk melihat apa yang berlaku dan pastinya, untuk melihat sejauh mana kejayaan telah dicapai yang memberikan saya kepuasan," katanya.

Beliau turut membuat catatan dalam perjalanan seperti itu dan akan merujuk perkara yang tidak memuaskan hatinya kepada menteri kabinet yang berkenaan, katanya.

-- BERNAMA

TCL LAT RON